



**UCAPAN**  
**PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI**  
**REKTOR UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM**  
**MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)**  
**DI SEMINAR PEMURNIAN AKIDAH**

**PADA : 14 JULAI 2018**  
**MASA : 8.30 PAGI - 5.00 PETANG**  
**TEMPAT : DEWAN EKSPERIMENT**

**TEKS UCAPAN MAJLIS PENUTUP  
REKTOR  
(10 minit sahaja)**

**SEMINAR PEMURNIAN AKIDAH**

14 Julai 2018 | 8.30 pagi – 5.00 petang  
Dewan Eksperimen

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabaakaatuh  
Alhamdulillahi rabbil aalamiin, wassolaatu wassalaamu  
'ala Nabiyyina Muhammadin, wa a'ala aalihi wa sohibihi  
ajma'iin**

*(Salurtasi)*

Terima kasih saudara pengerusi majlis,

**Yang Berbahagia Profesor Emeritus Dato Dr. Mahmood Zuhdi**  
Pengerusi Majlis Dakwah Negara,

**Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Mohd Nasri Md Hussin**  
Pesuruhjaya Majlis Dakwah Negara Negeri Kedah,

**Yang Berusaha Ustaz Mat Rani bin Abdul Manaf**  
Dekan Kulliyyah Usuluddin dan Sains Al-Quran, UniSHAMS,

**Yang Berusaha Dr Norazlina Zakaria**  
Pengarah Seminar Pemurnian Akidah

Dif-dif kehormat, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan  
serta para peserta yang dirahmati Allah sekalian.

Setinggi – tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Ilahi kerana telah mengizinkan kita untuk sama-sama berada di dalam "**Seminar Pemurnian Akidah**" yang telah berjaya diadakan pada hari ini dan dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Ahmad Kasim, Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah pada sebelah pagi tadi.

Seminar yang diadakan ini adalah untuk mencapai beberapa tujuan di antaranya bagi menggerakkan secara bersama dan meluas pihak-pihak yang sentiasa berhadapan dengan masyarakat untuk menerangkan mengenai ajaran yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Selain itu, seminar ini juga bertujuan menyuntik semangat dan kesedaran kepada peserta untuk bersama membanteras penularan ajaran-ajaran sesat.

Pada hari ini, dunia islam dilanda dan di nodai dengan pelbagai ancaman aqidah dan penyelewengan. Lantaran itu, banyak gejala buruk yang berlaku, yang tanpa disedari boleh menyebabkan seseorang terjebak ke dalam aqidah yang salah dan sesat. Justeru itu, adalah diharapkan seminar ini telah memberikan impak yang sangat tinggi kepada semua peserta pada hari ini.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi – tinggi tahniah kepada kakitangan UniSHAMS yang terlibat terutamanya kepada kakitangan **Kulliyyah Usuluddin & Sains al-Quran, Majlis Dakwah Negara (MDN), Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM), Islamic Business School (IBS) UUM, Jabatan Mufti Negeri Kedah, Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Lembaga Zakat Negeri Kedah, Yayasan Islam Negeri Kedah** dan **Yayasan Sultanah Bahiyah**

kerana telah memberikan kerjasama bagi menjayakan seminar yang penuh bermakna ini. Semoga usaha murni ini diberkati oleh Allah S.W.T.

Saya bagi pihak pengajur dan selaku tuan rumah, ingin memohon maaf andai terdapat kekurangan sepanjang seminar ini berlangsung.

**Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini  
Merasmikan Penutup "Seminar Pemurnian Akidah".**

Sekian,

**Wabillahi Taufiq Wal-Hidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**

[ TAMAT ]